



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 18

4hb September 2014

TAMBAHAN
No. 1

No. 1514.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BENTONG

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Bentong pada 24 September 2014 (Rabu) jam 9.30 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tahun 2014 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan enam (6) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Bentong sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru, lesen sementara dan permohonan bagi premis yang baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

Bertarikh 8 Ogos 2014

AZHAR BIN HAJI ARSHAD
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Bentong

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 1515.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Bilik Mesyuarat Unit Pendaftaran, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang, Bangunan PTG, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang pada hari Rabu bersamaan 17 September 2014 pada jam 9.00 pagi berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Pertikaian hakmilik H.S.(D) 2490 Lot 2220/1548 Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan.

Sesiapa jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana orang tersebut boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

Mana-mana orang tersebut boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, untuk penangguhan atau pertukaran tempat, dengan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa penangguhan atau pertukaran itu diminta, dan
- (b) sifat dan isi keterangan yang dia mencadang diberi atau dikemukakan.

Bertarikh 19 Ogos 2014
[PTG.PHG.08/2253/2013]

MOHD KHAIRUL FAZLI BIN ARIFFIN
*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

Tambahan

Kepada Wong Kah Seong yang beralamat 49 Jalan 36, Taman Tas, 25150 Kuantan, Pahang, saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kami tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan maka siasatan itu akan diterus dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

Bertarikh 19 Ogos 2014

MOHD KHAIRUL FAZLI BIN ARIFFIN
*Pendaftar Hakmilik Negeri
Pahang*

No. 1516.

[Perenggan 265(3)(a)]

LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Ng Si Chi (KP. 750421-06-5391) dan Ng Si Ong (KP. 470210-06-5029) yang beralamat 29 Jalan Pine 6, Taman Pine, 27000 Jerantut. Pemegang Gadaian Southeast Asia Special Asset Management Berhad yang beralamat Level 10, Menara UAB, 6 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang ditetapkan pada 16 Julai 2014 telah ditarik balik disebabkan tiada tawaran diterima.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan seterusnya pada 10 September 2014 (Rabu) Jam 11.00 pagi di Pejabat Tanah Jerantut, dengan harga rizab sebanyak RM260,000.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Pedah. No. Lot—9145. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2495. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian—Perserahan 946/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Ogos 2014
[PTJ. 2.7.30/2013]

NORHISYAM BIN KARNO
Pentadbir Tanah
Jerantut

No. 1517.

[Perenggan 265(3)(a)]

LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Chin Chee Hoo yang beralamat 23 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur dan/atau 3F-21, 3rd Floor, IOI Business Park 1, Persiaran Puchong Jaya Selatan, 47100 Puchong, Selangor dan/atau 852 Jalan Selesa Satu, Happy Garden, 58200 Kuala Lumpur. Pemegang Gadaian Hong Leong Bank Berhad yang beralamat Credit Recovery Centre (NHP) Central Region, 2 & 2A, Jalan Shamelin Niaga 1, Shamelin Heights Business Park, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan Lelongan Awam yang kemudian bagi tanah tersebut yang ditetapkan pada 17 Julai 2014 ditarik balik kerana tiada pembeli.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1802

[4hb Sept. 2014]

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali keempat pada 24 September 2014 jam 11.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Bentong dengan harga rizab sebanyak RM864,000.00 (Ringgit: Lapan Ratus Enam Puluh Empat Ribu sahaja).

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sabai. No. Lot—217. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 603. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 331/2010. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Ogos 2014
[PT.Btg. 5/S/569]

SAZALI BIN HAMZAH
*Penolong Pentadbir Tanah
Bentong*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA